

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]

TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN:

DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perancangan Kementerian untuk mewujudkan koridor getah bagi meningkatkan pengeluaran dan produktiviti getah termasuk mewujudkan Taman Perindustrian Pengeluaran Getah di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sedang merancang untuk mewujudkan Koridor Lateks Timur yang merangkumi negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Manakala, rancangan atau hasrat untuk mengadakan atau mewujudkan Koridor Getah (*Rubber Corridor*) di Sarawak telah dicadang oleh YAB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Ketua Menteri Merangkap Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak pada 24 Ogos 2020 yang lalu.

Kementerian berpandangan Bahagian Betong dan Bahagian berdekatnya seperti Sarikei, Sri Aman dan Kapit yang terletak di zon tengah Sarawak adalah kawasan yang sesuai untuk dijadikan Koridor Getah memandangkan ia kawasan utama tanaman getah di Sarawak. Daripada 166,000 ha keluasan tanaman getah negeri Sarawak, seluas 77,000 ha atau

SOALAN NO : 39

46% adalah terletak di zon tengah Sarawak dengan potensi pengeluaran sebanyak 65,000 tan setahun. Di Bahagian Betong sahaja seluas 33,000 hektar kawasan telah ditanam dengan getah yang berpotensi mengeluarkan kira-kira 30,000 tan setahun. Berdasarkan kemudahan laluan jalan raya, keluasan tanaman getah boleh diperluaskan di kawasan Kapit kerana kesesuaian geografinya untuk tanaman getah berbanding dengan tanaman lain.

Berdasarkan kepada potensi tersebut, Kementerian ini tiada halangan malah menyokong hasrat kerajaan negeri untuk memperkasakan industri getah di Sarawak terutamanya industri hiliran berasaskan getah yang sangat berpotensi dengan memberikan fokus kepada kawasan koridor getah tersebut. Kementerian ini melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) akan memainkan peranan sebagai pengantara serta perunding cara dan khidmat nasihat teknikal di antara kerajaan negeri dan pelabur yang berminat.

Oleh itu, bagi merealisasikan pembangunan terancang dan sistematik di kawasan koridor tersebut sebagai hab Perindustrian Pengeluaran Getah di Sarawak, kerajaan negeri disaran merangka pelan induk holistik dan strategik dengan memberikan beberapa insentif galakan kepada pelabur termasuk insentif cukai, tanah, infrastruktur dan utiliti yang diperlukan oleh pelabur.

Pada peringkat awal, industri yang berpotensi dilaksanakan adalah Kilang Lateks Pekat (*Latex Concentrate*) dan Getah Krip (*Creep Rubber*) untuk menyokong bekalan yang diperlukan oleh pihak industri sarung tangan dan produk-produk yang berkaitan getah.

Sekian, terima kasih.